

30 NOV 1999

Mahathir-terima kasih

MAHATHIR: BN BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana sokongan mereka sehingga membolehkan Barisan Nasional (BN) mencapai kemenangan lebih dua pertiga pada pilihan raya umum ke-10.

"BN sangat berterima kasih kerana sokongan yang diberikan oleh rakyat.

"Kita akan memastikan bahawa negara terus kekal bebas, bersepadu dan maju," kata pengerusi BN dan presiden Umno itu pada persidangan berita di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini sebaik sahaja diketahui BN memperolehi lebih daripada majoriti dua pertiga.

Dr Mahathir berkata BN memenangi 149 daripada 193 kerusi parlimen pada pilihan raya umum itu.

Tema manifesto BN ialah "Malaysia: Bebas, Sepadu, Maju".

"Jelas bahawa BN adalah pilihan rakyat Malaysia," katanya dengan disambut tepukan gemuruh daripada para penyokong BN.

Sambil berkata BN akan menunaikan segala janjinya, Dr Mahathir berkata: "Kita akan meneruskan usaha untuk membangunkan negara demi menebus maruah bangsa kita.

"Kita telah sebut dalam manifesto kita bahawa kita hendak satu negara yang bebas, sepadu dan maju dan kita akan terus menjamin sebuah negara yang bebas, sepadu dan maju," kata beliau.

-- BERNAMA

ES AKD